



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2009/2010

NAMA MATA PELAJARAN : ASAS PEDAGOGI
KOD MATA PELAJARAN : BBE 1033
KURSUS : SARJANA MUDA
PENDIDIKAN TEKNIK DAN
VOKASIONAL
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2009
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN :

1. JAWAB SEMUA SOALAN
2. JAWAPAN BAHAGIAN A DITULIS DALAM BUKU SOALAN INI.
JAWAPAN BAHAGIAN B DIBUAT MENGGUNAKAN BORANG OMR
3. JAWAPAN HENDAKLAH DIIKAT BERSAMA.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TUJUH BELAS MUKA SURAT

NAMA:

NO. MATRIK: NO. K/P:


BAHAGIAN A:

Soalan 1 hingga 10 merupakan pernyataan aktiviti dalam pengajaran. Sesuaikan pernyataan aktiviti itu dengan pilihan jawapan berikut. Tuliskan huruf pilihan jawapan anda dalam kotak pada setiap pernyataan aktiviti.

- | | | | |
|----|---------------------|----|--------------------------|
| A. | Kesimpulan kognatif | G. | Penilaian semasa |
| B. | Eksplisit | H. | Ulasan diri (refleksi) |
| C. | Pengayaan | I. | Set Induksi |
| D. | Afektif | J. | Tugasan. |
| E. | Nilai Murni | K. | Penutup |
| F. | Penguakuan | L. | Psikomotor |

S1	Aktiviti tambahan yang dirancang oleh guru untuk pelajar-pelajarnya dirumah.	
S2	Aktiviti susulan bagi murid-murid pandai	
S3	Catatan guru mengenai kekuatan dan kelemahan pengajarannya	
S4	Guru mengimbas semula isi-isi penting dalam pelajaran yang baru lepas disampaikan bagi tujuan penguakuan.	
S5	Ojektif pengajaran mestilah ringkas, jelas dan mudah diukur.	
S6	Proses bagi mengetahui pemahaman pelajar semasa proses pengajaran dijalankan.	
S7	Proses memastikan pelajar telah cukup bersedia untuk belajar..	
S8	Latihan latih-tubi susulan bagi murid-murid lemah	
S9	Baik hati, syukur, rasional, berdikari. Kasih sayang, adil, berani, bersih, jujur.	
S10	Teksonomi Blooms yang mempunyai domin sahshiah atau perangai individu	

Soalan 11-16 adalah berdasarkan Rajah 1.



Rajah 1: Interaksi Menghasilkan Pengajaran Berkesan

S11 Tuliskan perkara untuk ruangan yang berlabel

K

L

M

Padankan setiap kenyataan berikut dengan label dalam Rajah 1.

S12	Penilaian akhir semester menunjukkan pencapaian pelajar	
S13	Murid membuat rujukan	
S14	Guru menyoal murid	
S15	Guru menyemak sukatan pelajaran	
S16	Ketiadaannya menggagalkan proses pengajaran-pembelajaran	

BAHAGIAN B:

- S17 Cikgu Raman menggunakan gerak-geri tangan untuk menekankan penerangan sesuatu perkara dalam pengajarannya. Kemahiran ini merupakan
- A. peneguhan
 - B. set induksi
 - C. peniruan sosial
 - D. variasi rangsangan
- S18 Ketika mengajar, Cikgu Rohani kerap kali menerapkan unsur-unsur yang baru. Dalam situasi ini peranan Cikgu Rohani adalah sebagai
- A. inovator
 - B. pengajar
 - C. pakar
 - D. pemudahcara
- S19 Cikgu Ali senyum dan menepuk bahu Siva kerana jawapannya betul. Kemahiran Cikgu Ali dikenali sebagai kemahiran:
- A. peneguhan
 - B. penutup soalan
 - C. variasi rangsangan
 - D. pujian
- S20 Pilih kenyataan yang paling tepat tentang tujuan-tujuan menggunakan contoh dalam pengajaran.
- A. Memotivasikan murid-murid dalam bilik darjah
 - B. Membantu murid-murid membentuk konsep yang jelas
 - C. Melibatkan murid-murid secara aktif
 - D. Menyingkirkan unsur kebosanan yang mungkin timbul
- S21. Berikut adalah tujuan-tujuan penyoalan oleh guru dalam bilik darjah kecuali
- A. mengesan murid-murid yang kurang sedia supaya hukuman dikenakan dengan adil
 - B. melibatkan murid-murid secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran
 - C. menimbulkan minat dan rasa ingin tahu murid-murid
 - D. memusatkan perhatian murid-murid kepada sesuatu konsep

- S22 Dari semasa ke semasa, guru perlu menggunakan pengukuhan untuk
- A. menimbulkan minat murid terhadap pelajaran
 - B. menimbulkan suasana pengajaran-pembelajaran yang menggalakkan
 - C. menghidupkan lagi satu-satu pelajaran
 - D. mengekalkan suatu tingkah laku murid yang diingini
- S23 Dalam satu perbincangan setiap ahli kelompok digalakkan memberi pendapat tentang satu-satu topik tanpa dikritik. Jenis perbincangan ini dikenali sebagai
- A. dialog
 - B. sumbangsaran
 - C. perbincangan bebas
 - D. perbahasan
- S24 Sebelum menghadapi sesuatu situasi sebenar, contohnya temuduga, murid-murid dilatih tentang cara menghadapi setuasi tersebut. Kaedah ini dekenali sebagai
- A. simulasi
 - B. demonstrasi
 - C. sosiodrama
 - D. drama
- S25 Di antara berikut, kaedah bercerita yang paling menarik ialah:
- A. guru membacakan cerita serta menunjukkan kad-kad gambar
 - B. guru memainkan pita rakaman dan murid-murid mendengar
 - C. guru bercerita dengan bantuan kad-kad perkataan
 - D. guru bercerita dengan nada suara yang berintonasi beserta gerak-gerak isyarat yang relevan
- S26 Langkah-langkah berikut telah dijalankan dalam pengajaran:
- a. Nota-nota yang mencukupi disediakan
 - b. Bahan baru dikaitkan dengan yang telah disampaikan
 - c. Bahan-bahan dipertingkatkan
 - d. Bahan disampaikan dengan pertuturan
- Langkah-langkah itu mencerminkan strategi:
- A. menyelesaikan masalah
 - B. memberi penerangan
 - C. berbincang
 - D. bersyarah

- S27 Alfred ialah seorang murid Tingkatan IV. Gurunya sentiasa memberi pujian kepadanya kerana mempunyai personaliti yang matang. Ini bermaksud Alfred ialah seorang murid yang:
- A. boleh mengawal emosi
 - B. sentiasa menunjukkan pencapaian akademik yang baik
 - C. sentiasa mematuhi peraturan
 - D. telah mencapai kesedaran sendiri, iaitu mengetahui kelemahan dan kekuatan diri.
- S28 Seorang guru perlu memahami dinamik kumpulan dalam bilik darjahnya kerana dengan pengetahuan itu guru dapat
- A. berinteraksi dengan murid-murid
 - B. menolong murid yang bersifat introvert
 - C. menggalakkan perkembangan individu
 - D. mewujudkan corak interaksi yang boleh membantu pengajaran-pembelajaran
- S29 Peranan guru yang paling penting dalam bilik darjah ialah
- A. menyampaikan ilmu pengetahuan dengan berkesan
 - B. melahirkan individu yang cergas serta bijak
 - C. membantu peribadi murid sejajar dengan norma-norma masyarakat
 - D. melahirkan individu yang sempurna dari segi sosial, emosi, intelek, jasmani dan rohani.
- S30 Cikgu Salbiah membeli sebuah komputer. Dia dijemput untuk menghadiri kursus satu minggu tentang cara-cara menggunakannya. Kursus yang diikuti oleh Cikgu Salbiah adalah satu contoh pembelajaran
- A. informal (tidak formal)
 - B. formal
 - C. non formal (bukan formal)
 - D. lanjutan
- S31 Ketika Haslina menerima penerangan daripada gurunya, dia cuba meletakkan maklumat itu dalam satu rangka yang mudah diingati. Menurut Gagne, R.M., Haslina sedang menjalankan proses
- A. mengkod
 - B. mengingat kembali
 - C. memberi perhatian
 - D. memenuhi jangkaan guru

- S32 Pendidikan merupakan alat yang paling penting untuk
- A. meningkatkan ilmu pengetahuan
 - B. meningkatkan kemahiran-kemahiran
 - C. mendatangkan perubahan-perubahan baru di alam persekolahan
 - D. memupuk perkembangan individu yang menyeluruh selaras dengan aspirasi negara
- S33. Cara yang paling sesuai dalam melayani perbezaan individu dalam bilik darjah ialah
- A. mengajar dengan kaedah seluruh kelas
 - B. mengajar dengan kaedah kumpulan
 - C. memastikan setiap pelajaran telah mengambil kira kebolehan, minat dan umur murid-murid
 - D. memberi tugas yang boleh diselesaikan oleh kumpulan murid yang lemah
- S34 Fauzi berkata, “Saya mesti mendapat pencapaian yang paling tinggi kali ini. Saya ingin dilantik sebagai ketua darjah”.
- Setuasi ini membayangkan keperluan
- A. penghormatan
 - B. keselamatan
 - C. penghargaan sendiri
 - D. penyungguhan sendiri
- S35 Lam Tay kerap kali bergerak ke sana ke mari di dalam bilik darjah. Dia jarang boleh duduk dan menyiapkan tugas seperti murid-murid lain. Langkah yang paling sesuai diambil oleh guru ialah
- A. meminta Lam Tay duduk di hadapan kelas
 - B. menghantar Lam Tay ke bilik kaunseling
 - C. bertembual dengan Lam Tay dengan tujuan mengesan sebab-sebab tingkah laku itu berlaku
 - D. memberitahu ibu bapa Lam Tye tentang kes itu dan meminta mereka menasihati anaknya
- S36 Keutamaan-keutamaan tunjucara adalah seperti berikut **kecuali**
- A. murid-murid dapat melihat dan mendengar tentang apa yang berlaku
 - B. ide, prinsip dan konsep dapat diilustrasikan
 - C. perhatian murid-murid dapat dikekalkan
 - D. murid-murid mempunyai kebebasan bergerak

S37 Kumpulan perbincangan kecil yang biasanya terdiri daripada seorang ketua dan seorang pelapor dikenali sebagai kumpulan

- A perbincangan
- B *buzz*
- C percambahan fikiran
- D perbahasan

S38. Langkah-langkah berikut telah dijalankan dalam pengajaran:

- a. Menenal masalah
- b. Mencari maklumat
- c. Membuat hipotesis
- d. Menguji hipotesis
- e. Membuat rumusan

Langkah-langkah itu dijalankan dalam kaedah

- A. Dapatan
- B. Penyelesaian masalah
- C. Sokratik
- D. Projek

S39 Cikgu Rugayah memulakan pengajarannya dengan menerangkan apa itu konduktor elektrik. Selepas itu murid-murid diminta memberi contoh konduktor elektrik yang baik.

Pendekatan yang telah digunakan oleh Cikgu Rugayah ialah pendekatan

- A. sokratik
- B. induktif
- C. penerangan
- D. deduktif

S40 Alfred ialah seorang murid Tingkatan VI. Gurunya sentiasa memberi pujian kepadanya kerana mempunyai personaliti yang matang.

Ini bermaksud Alfred ialah seorang murid yang:

- A. boleh mengawal emosi
- B. sentiasa menunjukkan pencapaian akademik yang baik
- C. sentiasa mematuhi peraturan
- D. telah mencapai kesedaran sendiri, iaitu mengetahui kelemahan dan kekuatan diri.

- S41 Seorang guru perlu memahami dinamik kumpulan dalam bilik darjahnya kerana dengan pengetahuan itu guru dapat
- berinteraksi dengan murid-murid
 - menolong murid yang bersifat introvert
 - menggalakkan perkembangan individu
 - mewujudkan corak interaksi yang boleh membantu pengajaran-pembelajaran
- S42 Cikgu Zamri sentiasa membenarkan murid-muridnya mengemukakan pendapat mereka semasa menjalankan satu-satu projek. Cikgu seperti ini dapat menonjolkan sifat kepimpinan
- demokratik
 - autokratik
 - laissez-faire*
 - menuan (dominatif)
- S43 Butir-butir berikut boleh didapati daripada jadual kedatangan **kecuali**
- kedatangan murid
 - alamat penjaga
 - biasiswa murid
 - prestasi murid
- S44 Rekod yang dapat menunjukkan kebolehan dalam bidang-bidang kemahiran tertentu dikenali sebagai rekod
- bulanan
 - kemajuan
 - profil
 - prestasi
- S45 Semasa Cikgu Fauzi mengajar, Osman sentiasa menunjukkan kenakalan. Apakah tindakan yang paling sesuai diambil oleh Cikgu Fauzi?
- Meminta murid itu duduk di hadapan.
 - Meminta murid itu berdiri di atas kerusi.
 - Mengesan sebab-sebab murid bertindak sedemikian
 - Jangan menghiraukan murid itu
- S46 Peranan guru yang paling utama dalam bilik darjah ialah
- menyampaikan ilmu pengetahuan dengan berkesan
 - melahirkan individu yang cergas serta bijak
 - membantu peribadi murid sejajar dengan norma-norma masyarakat
 - melahirkan individu yang sempurna dari segi JERIS.

- S47 Dalam satu perbincangan setiap ahli kelompok digalakkan memberi pendapat tentang satu-satu topik dan boleh dikritik. Jenis perbincangan ini dikenali sebagai
- A dialog.
 - B sumbangsaran.
 - C perbincangan bebas.
 - D perbahasan.
- S48. Keutamaan-keutamaan amali adalah seperti berikut **kecuali**
- A murid-murid dapat melihat dan mendengar tentang apa yang berlaku.
 - B idea, prinsip dan konsep dapat diilustrasikan.
 - C perhatian murid-murid dapat dikekalkan.
 - D murid-murid mempunyai kebebasan bergerak.
- S49 Cikgu Zan marah dan mengetuk meja kerana jawapan Siva salah. Kemahiran Cikgu Zan dikenali sebagai kemahiran
- A peneguhan
 - B penutup soalan
 - C variasi rangsangan
 - D *'body language'*
- S50 Pilih kenyataan yang paling tepat tentang tujuan-tujuan menggunakan soalan dalam pengajaran.
- A Memotivasikan pelajar dalam bilik darjah
 - B Membantu pelajar membentuk konsep yang jelas
 - C Melibatkan pelajar-pelajar secara aktif
 - D Menyingkirkan unsur kebosanan yang mungkin timbul
- S51 Cikgu Yuzi membeli sebuah komputer. Dia belajar melalui kawan-kawan mengenai penggunaan komputernya. Ini adalah satu contoh pembelajaran
- A informal (tidak formal)
 - B formal
 - C non-formal (bukan formal)
 - D lanjutan
- S52 Pendidikan merupakan alat yang paling penting untuk
- A meningkatkan ilmu pengetahuan
 - B meningkatkan kemahiran-kemahiran
 - C mendatangkan perubahan-perubahan baru di alam persekolahan
 - D memupuk perkembangan individu yang menyeluruh selaras dengan aspirasi negara

- S53 Pengajaran yang paling sesuai dalam melayani perbezaan individu dalam bilik darjah ialah
- A mengajar dengan kaedah seluruh kelas
 - B mengajar dengan kaedah kumpulan
 - C Pengajaran menggunakan modul.
 - D memberi tugas.
- S54 Semasa Cikgu Fauzi mengajar, seorang pelajarnya sentiasa menunjukkan kenakalan. Apakah tindakan yang paling sesuai diambil oleh Cikgu Fauzi?
- A Jangan menghiraukan pelajar itu.
 - B Meminta pelajar itu duduk di hadapan.
 - C Meminta pelajar itu berdiri di atas kerusi.
 - D Mengesan sebab-sebab pelajar bertindak sedemikian.
- S55 Cikgu Rugayah memulakan pengajarannya dengan menerangkan apa itu konduktor elektrik. Selepas itu pelajar diminta memberi contoh konduktor elektrik yang baik. Pendekatan yang telah digunakan oleh Cikgu Rugayah ialah pendekatan
- A perbincuan.
 - B induktif.
 - C penerangan.
 - D deduktif.
- S56 Kebolehan memperbaharui resipi satu masakan di dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup oleh pelajar Tingkatan 2 menunjukkan objektif pengajaran kognitif pada aras
- A sintesis.
 - B penilaian.
 - C kefahaman.
 - D aplikasi.
- S57 Penulisan pencapaian prestasi di dalam pernyataan objektif eksplisit amat berguna kepada guru sebagai
- A asas pendekatan pengajaran.
 - B asas domain pengajaran.
 - C asas penilaian pembelajaran.
 - D asas komunikasi di kalangan guru.

S58 Sebagai pendidik, anda ingin pelajar anda komited kepada sesuatu nilai yang cuba diterapkan. Ini harus diterapkan pada aras

- A penilaian.
- B bertindak balas.
- C berwatakan.
- D penerimaan.

S59 Aplikasi kepada pembelajaran prinsip membolehkan pelajar

- I mengawal fenomena
- II meramal fenomena
- III mengkelas fenomena
- IV menerangkan fenomena

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

S60 Penilaian merupakan salah satu aktiviti penting dalam penyampaian pengajaran. Ia sesuai dilakukan

- I setelah tamat pengajaran
- II di setiap langkah penyampaian
- III semasa pengenalan dan set induksi
- IV pada akhir pengajaran

- A I, II dan III
- B I, II, III dan IV
- C I, II dan IV
- D II, III dan IV

S61 Pedagogi pada umumnya adalah berkenaan bagaimana meningkatkan keberkesanan pengajaran-pembelajaran. Unsur-unsur yang boleh meningkatkan keberkesanan pengajaran-pembelajaran ialah

- I Penguasaan isi kandungan pedagogi
- II Penguasaan ilmu pengetahuan yang hendak diajar
- III Penguasaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- IV penghayatan etika keguruan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

- S62 Mengikuti keutamaan konsep manakah perlu difahami guru sebelum mengajar?
- I Penilaian
 - II Pengajaran
 - III Pembelajaran
 - IV Kurikulum
- A I, II, III dan IV
 - B II, III, IV dan I
 - C III, I, II dan III
 - D IV, II, III, dan I
- S63 Makna terampil dalam konteks kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional ialah
- I pelajar menguasai kemahiran psikomotor berkaitan tugas
 - II pelajar menguasai kemahiran kognitif berkaitan tugas
 - III pelajar mempunyai sikap positif berkaitan tugas
 - IV pelajar mempunyai tauliah berkaitan tugas.
- A I dan II
 - B II, III dan IV
 - C I, II dan IV
 - D I, II, III dan IV
- S64 Pembelajaran boleh didefinisikan sebagai satu pemboleh ubah di antara
- I rangsangan
 - II tingkah laku
 - III gerak balas
 - IV pengalaman
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV
- S65 Apabila anda ingin mengalami bagaimana pembelajaran berlaku, teori pembelajaran berikut akan membantu
- I Kontektual
 - II Tingkahlaku
 - III Kognitif
 - IV Psikomotor
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV

S66 Cikgu Bachok menghuraikan maksud dan langkah keselamatan makmal komputernya. Kaedah pengajarannya boleh dikategorikan sebagai

- I pembelajaran menyelesaikan masalah
- II pembelajaran konsep
- III pembelajaran prinsip
- IV pembelajaran kognitif

- A I dan IV
- B I dan II
- C II dan III
- D I, II dan IV

S67 Dalam kaedah penemuan, pelajar belajar melalui

- I pemerhatian
- II percubaan
- III kesimpulan
- IV peniruan

- A I dan II
- B II dan III
- C I, II dan III
- D I, III dan IV

S68 Dalam strategi pengajaran projek, urutan langkah-langkah yang perlu diikuti ialah

- I membuat perancangan
- II menentukan tujuan
- III membuat penilaian
- IV melaksanakan

- A I, II, III dan IV
- B III, II, I dan IV
- C II, I, IV dan III
- D III, IV, I dan II

- S69 Di dalam bilik darjah, Cikgu Izwan sering menggunakan set induksi. Ia dijalankan dengan tujuan
- I menimbulkan minat pelajar terhadap pelajaran
 - II merangsangkan murid
 - III mengaitkan topik baru dengan topik lampau
 - IV menjelaskan sesuatu konsep yang baru
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I, II dan III
 - D II, III dan IV
- S70 Cikgu Kartini mengajar Matematik kepada 40 orang pelajar Tingkatan 4 KJ2. Walaupun pelajar mempunyai umur yang sama, Cikgu Kartini tidak mengharapkan kesemua pelajarnya menunjukkan pencapaian yang tinggi. Ini adalah kerana mereka
- I datang dari persekitaran yang berbeza
 - II menerima dorongan yang berbeza daripada ibu bapa mereka
 - III berbeza sebab perkembangan kognitif perempuan lebih cepat
 - IV berbeza dari segi perkembangan fizikal
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I, II dan III
 - D II, III dan IV
- S71 Kumar ialah seorang pelajar yang pemalu, pasif dan mempunyai perasaan rendah diri. Jika anda adalah guru kepada Kumar, bagaimanakah anda akan membantunya?
- I Memberikan tugas di mana dia akan berjaya
 - II Menggalakkan dia menyertai aktiviti-aktiviti kokurikulum di sekolah
 - III Mengadakan temubual dengan ibu bapanya dengan harapan mereka akan selalu membenarkan Kumar keluar dari rumah
 - IV Memujuk dia supaya bersikap berani dan tegas dalam pelbagai situasi
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C I, II dan III
 - D II, III dan IV

S72 Sebagai fasilitator, guru akan menjalankan tugas-tugas berikut:

- I melicinkan perjalanan segala aktiviti dalam darjah
 - II membimbing pelajar dalam menjalankan aktiviti-aktiviti
 - III mewujudkan disiplin di dalam bilik darjah
 - IV memperkenalkan unsur-unsur atau perkara-perkara yang baru
-
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C I, II dan III
 - D II, III dan IV

S73 Pengajaran yang efektif mempunyai ciri-ciri berikut:

- I pemusatan kepada pelajar
 - II mengambil kira perbezaan individu pelajar
 - III pengajaran bergerak pantas dan mencabar untuk memenuhi keperluan pelajar yang cerdas
 - IV berlaku dalam suasana yang demokratik dan sosio-emosi yang sihat
-
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C I, II dan III
 - D I, II dan IV

S74 Pedagogi boleh difahamkan sebagai

- I satu sains pengajaran
 - II satu kajian tingkah laku murid-murid dalam bilik darjah
 - III satu kajian tentang prinsip-prinsip dalam pendidikan formal
 - IV satu kajian tentang kaedah-kaedah dalam pendidikan formal
-
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C I, II dan III
 - D I, III dan IV

S75 Pedagogi adalah penting kepada guru kerana ia membantu guru

- I memahami prinsip-prinsip pengajaran
- II memilih kaedah yang paling sesuai untuk pelajaranya
- III mengajar supaya pelajaranya dapat membuat generalisasi
- IV membuat segala keputusan untuk pelajaranya sama ada di dalam atau di luar bilik darjah

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II dan III
- D I, II dan IV

TERIMA KASIH